

12 OCT 2003

Mahathir-Islam/I

MAJORITI UMAT ISLAM M'SIA BERPEGANG KEPADA AJARAN ISLAM SEBENAR

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata majoriti umat Islam di Malaysia bersetuju dengan pendirian kerajaan yang berpegang kepada asas-asas ajaran Islam.

Ini, kata beliau, menghalang mereka daripada menyeleweng daripada ajaran sebenar agama.

"Saya mengikuti asas agama itu, dan asas bagi agama Islam sebenarnya amat baik; ia menganjurkan perdamaian, ia menganjurkan persahabatan, persaudaraan dan sikap bertolak ansur sesama manusia. Inilah asasnya," kata Dr Mahathir dalam temu bual melalui program "Talking Point" BBC yang dihoskan oleh Lyse Doucet, yang akan disiarkan melalui Channel 93 Astro, malam ini.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata selama lebih 1,400 tahun, manusia sering mentafsir agama tersebut mengikut selera mereka seperti menanam rasa benci terhadap sesama manusia dan menganjurkan peperangan.

Beliau berkata sebenarnya, tafsiran yang dibuat itu menyeleweng daripada ajaran sebenar Islam.

"Kami mengalami fenomena yang serupa di Malaysia dan kami menentang perkara ini dengan memberi penjelasan tentang asas ajaran sebenar Islam kepada rakyat, dan secara umumnya, bagi umat Islam di Malaysia, mereka bersetuju dengan pendapat kami," katanya.

Mengulas tuduhan PAS bahawa kerajaan tidak berpegang kepada asas ajaran Islam kerana enggan melaksanakan undang-undang syariah, Dr Mahathir berkata PAS bukan sebuah parti Islam tetapi hanyalah sebuah parti politik yang memeralatkan Islam.

"Itu hanyalah satu gimik politik. Mereka amat sedar bahawa kami mempunyai undang-undang syariah mengenai keluarga Islam. Tetapi, kami tidak boleh melaksanakan undang-undang syariah di seluruh negara kerana 40 peratus penduduk kami terdiri daripada bukan Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata tindakan melaksanakan undang-undang syariah ke atas semua orang adalah tidak adil dan Islam tidak menganjurkan perbuatan zalim.

"Kami memberi penjelasan berdasarkan ajaran Quran dan hadith Nabi kenapa kami mengamalkan cara demikian. Kami rasa dan kami yakin bahawa kami mengamalkan ajaran Islam tetapi mereka tidak demikian sekalipun mereka menggelarkan diri mereka parti Islam," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata apa yang dianjurkan oleh PAS hanyalah perasaan membenci satu sama lain dan ini telah mengakibatkan beberapa tindakan ganas sedangkan antara ajaran Islam yang sebenar ialah semua manusia adalah bersaudara.

Menjawab satu lagi pertanyaan, Dr Mahathir berkata umat Islam di seluruh dunia perlu kembali kepada ajaran sebenar Islam serta memahami asasnya.

Beliau berkata tafsiran silap yang dibuat mengenai agama itu bukan sahaja telah memecah-belahkan ummah, tetapi turut menghalang kemajuan mereka dalam bidang ekonomi dan sains.

"Pelbagai pihak membuat tafsiran yang berbeza-beza dan orang mempercayai tafsiran yang salah ini dan akibatnya, Islam dilihat menjadi penghalang kepada kemajuan," katanya.

Diminta mengulas tentang perpaduan di kalangan negara Islam, Dr Mahathir berkata tugas untuk menyatupadukan 1.3 bilion umat Islam bukanlah mudah dan Malaysia sendiri, sebagai pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), sukar untuk menyatupadukan 50 negara anggotanya.

"Bagaimanapun, kami rasa, barangkali kami boleh mendorong beberapa buah daripada mereka supaya bersatu dan kami juga boleh bertindak secara berkesan walaupun hakikatnya tidak akan wujud perpaduan sepenuhnya. Kami tidak meletakkan cita-cita yang terlalu tinggi. Kami fikir kami patut ada strategi lain yang boleh memberi hasil yang lebih baik kepada kami. Jadi, itulah apa yang ingin kami lakukan pada mesyuarat OIC," kata Dr Mahathir.

Malaysia menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak OIC ke-10 di Putrajaya minggu ini.

-- BERNAMA

NM KHY RM SP LAT